

15 minit pecah masuk 3 rumah

Metro 24/8/12 MS 2

Enam lelaki bersenjatakan parang, penyembur lada samun RM100,000

>>Oleh Asmah Rusman

asmah@hmetro.com.my

Fakta

Kenam-enam lelaki terbabit memakai topeng dan memasuki tiga rumah berkenaan serentak

suki tiga rumah berkenaan serentak.

“Seorang daripada lelaki terbabit masuk ke rumah mangsa pertama dan mengacukan parang manakala seorang lagi rakannya meluru ke dalam bilik tidur di tingkat atas sebelum membawa lari barang berharga.

“Empat anggota kumpulan terbabit pula berpecah ke dua

lagi rumah yang juga jiran mangsa sebelum mengeledah seluruh rumah itu,” katanya.

Sumber berkata, mangsa menurut arahan mereka kerana bimbang disembur menggunakan penyembur lada.

Katanya, semua penghuni rumah kedua dan ketiga diarahkan masuk dalam tandas sebelum empat lelaki terbabit mengurung mereka.

“Mereka membawa lari pelbagai barang berharga milik mangsa termasuk barang kemas, berlian, telefon bimbit, komputer riba, kamera digital, beg tangan berisi dokumen pengenalan diri, kad bank, jam tangan dan cermin mata berjenama,” katanya.

Katanya, berdasarkan dialek pertuturan keenam-enam

suspek berkenaan, kumpulan lelaki terbabit dipercayai warga tempatan.

“Mereka mengambil masa 15 minit untuk menyamun ketiga-tiga rumah teres dua tingkat yang terletak bersebelahan sebelum melarikan diri menggunakan sebuah kenderaan yang tidak dikenal pasti jenisnya,” katanya.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu dan kes diasiasat mengikut Seksyen 395 dan 397 Kanun Keseksaan.

Katanya, siasatan lanjut masih dijalankan dan polis masih memburu anggota kumpulan terbabit yang dipercayai masih berada di sekitar daerah ini.